



SYARAT-SYARAT PENYEWAAN DAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN DI KOMPLEKS AKADEMI BOLASEPAK MERAH KUNING (ABMK)

1. Pengguna perlu menunjukkan resit/surat kebenaran/kelulusan sebelum menggunakan kemudahan di Kompleks ABMK.
2. Cagaran akan dikenakan kepada penyewa yang menggunakan untuk tujuan bagi mengadakan pertandingan/ perlawanan, majlis/ program atau penyewaan/penggunaan secara harian.
3. Pengguna tidak dibenarkan menggunakan padang bola sepak serta kemudahan lain sebelum dan selepas tamat tempoh yang dibenarkan.
4. Pengguna hendaklah menggunakan padang bolasepak/kemudahan yang disewa/ditentukan sahaja.
5. Untuk penggunaan padang, kasut yang dipakai hendaklah bersesuaian dengan permainan/aktiviti. Kasut bertapak kulit, plastik, kasut kasual dan sebarang tapak yang boleh merosakkan padang bolasepak tidak dibenarkan.
6. Semua pengguna diminta sentiasa menjaga kebersihan kawasan serta keselamatan peralatan yang digunakan. Sebarang kerosakan/kehilangan perlu diganti.
7. Minuman bergula/bergas dan makanan tidak dibenarkan di kawasan padang bolasepak.
8. Dilarang merokok dalam kawasan padang bolasepak serta sekitar bangunan kompleks.
9. Tidak dibenarkan membawa masuk sebarang kenderaan/binatang peliharaan ke dalam kawasan padang bolasepak serta bangunan kompleks.
10. Tidak dibenarkan mengorek/menggali mana-mana juga bahagian di kawasan kompleks untuk tujuan mendirikan khemah/kanopi atau sebagainya tanpa kebenaran daripada MSNS.
11. Untuk penganjuran sebarang aktiviti yang melibatkan pembinaan pentas atas padang /trek, penganjur diminta untuk menyediakan dan memasang pelapik (Terraplas) padang merangkumi kawasan pembinaan pentas dan khalayak ramai dengan kebenaran pihak MSNS.
12. Bagi kegiatan-kegiatan/aktiviti yang memerlukan permit/lesen/kebenaran daripada agensi-agensy yang berkaitan (contohnya Bahagian Pelesenan MBSA, Polis, Pejabat Daerah dan sebagainya), pengguna hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak berkenaan terlebih dahulu.

13. Sebarang sepanduk (banner) /poster/ papantanda tidak dibenarkan dipasangkan di mana-mana juga bahagian di kawasan kompleks kecuali mendapat kebenaran daripada MSNS.
14. Talian elektrik tidak dibenarkan disambung keluar daripada kompleks kecuali dengan kebenaran daripada MSNS.
15. Tidak dibenarkan membakar apa-apa juga bahan di mana-mana juga bahagian di kawasan kompleks.
16. Dilarang membuang sampah dan sisa makanan ke dalam sinki dan lubang tandas serta aktiviti cuci mencuci di dalam tandas atau kawasan kompleks.
17. Penganjuran semua jenis aktiviti politik, perjudian dan aktiviti yang diharamkan oleh kerajaan serta aktiviti yang boleh menimbulkan sensitiviti masyarakat adalah tidak dibenarkan.
18. MSNS tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan / kecederaan /kehilangan yang berlaku ke atas mana-mana individu sepanjang tempoh penggunaan / penyewaan kompleks.
19. MSNS juga tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan / kehilangan mana-mana kenderaan yang diletakkan di perkarangan meletak kenderaan.
20. Penyewa hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan dan syarat-syarat yang akan dikenakan dari semasa ke semasa oleh pegawai yang bertugas.
21. Penyewa tidak dibenarkan menyewa semula (meminda hal penyewaan) kepada orang lain.
22. Wang cagaran akan dikembalikan setelah MSNS mendapati semua syarat-syarat yang dikenakan samada secara bertulis atau lisan dipatuhi. Cagaran akan ditahan sekiranya berlaku kehilangan peralatan, kerosakan akibat penyewaan/penggunaan atau hal-hal kebersihan.
23. Tidak dibenarkan mengambil tempahan dari katering luar. Segala makan dan minum perlu ditempah melalui MSNS dan bayaran akan dikenakan mengikut kuantiti.
24. MSNS berhak membatalkan tempahan pada bila-bila masa sahaja untuk kepentingan MSNS dan Kerajaan.